

SIMPOSIUM FIQH MU'ASIRAH

TEMA:

“JUDI DALAM ISLAM: ISU, CABARAN DAN PENYELESAIAN”

Anjuran

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

KONSEP JUDI MENERUSI AL-QURAN DAN SUNNAH¹

Oleh: Prof. Madya Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ

1. MUQADDIMAH

Amalan judi dan perjudian adalah suatu penyakit yang telah lama menghinggapi masyarakat manusia sejak dari zaman dahulu kala lagi. Secara umumnya, judi ini mudah menarik minat manusia sehingga menjadi penyakit yang susah diubati kerana ianya sesuai dengan sifat tabi'i manusia yang haloba dan suka kepada kesenangan dan hartabenda, lebih-lebih lagi jika kesenangan itu dijangka dapat dengan cepat dan mudah tanpa perlu berusaha keras.

Ini dapat difahami dari mafhum ayat 14 Surah Ali Imran:

زِينِ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمَسُومَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ،

ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنُ الْمَأْبِ

Ertinya: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak

¹ Kertas kerja ini disediakan untuk tujuan pembentangan di Simposium Fiqh Mu'asirah yang bertemakan: “Judi dalam Islam: Isu, Cabaran dan Penyelesaian”, anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bertempat di Auditorium, Masjid Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, bertarikh pada 10hb Mei 2011.

bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (yaitu Syurga).”

Namun, Islam datang dengan hukum yang jelas tentang pengharaman judi berserta dengan alasan pengharamannya supaya penyakit turun temurun ini dapat dibenters dan dibasmikan dari masyarakat. Hukum pengharaman judi ini dapat dilihat di dalam al-Quran dan juga Sunnah al Rasul s.a.w. yang akan dikupas dalam kertaskerja ini inshaAllah.

Malangnya, mutakhir ini, kita dapati amalan judi semakin berleluasa di dalam masyarakat. Yang lebih merbahaya, kadang-kadang amalan judi ini di pasarkan kepada masyarakat dalam bentuk yang tersembunyi dan mengelirukan, contohnya, di atas nama permainan, peraduan, sukan, pelaburan, cabutan bertuah dan sebagainya. Kurangnya kefahaman di dalam masyarakat tentang erti judi dan bentuk-bentuknya boleh menyebabkan mereka terpedaya dengan permainan, peraduan dan seumpamanya yang sebenarnya melibatkan ciri-ciri judi yang diharamkan.

Oleh itu, kertas kerja ini akan cuba mengupas tentang konsep judi di dalam al-Quran dan Sunnah, dengan berlatar belakangkan tema Simposium pada hari ini iaitu “Judi dalam Islam: Isu, Cabaran dan Penyelesaian”. Perbincangan akan dimulakan dengan kupasan tentang takrif judi, seterusnya diikuti dengan perbincangan tentang pengharaman judi di dalam al-Quran dan Sunnah; bentuk-bentuk judi dalam perbahasan fuqaha’ dan hukumnya; dan perbincangan tentang isu judi di dalam permainan, pertandingan dan peraduan.

2. JUDI: SUATU TAKRIFAN RINGKAS

Perkataan Arab untuk judi adalah ميسر (*maysir*). Istilah *maysir* ini lah yang digunakan di dalam al-Quran pada ayat pengharaman judi.²

Dari segi bahasa Arab, *maysir* merupakan nama terbitan yang berasal dari kata dasar يسر (*yasara*). Manakala kata dasar *yasara* ini boleh dinisbahkan kepada beberapa kata asal yang para ulama' berselisih pendapat mengenainya, iaitu, samada ia berasal dari:³

- اليسر (*al-yusr*) iaitu mudah, kerana si penjudi mengambil atau mendapat harta secara mudah dan senang tanpa perlu bersusah payah;
- اليسار (*al-yasar*) iaitu kesenangan, kerana judi itu menjadi penyebab kesenangan dan kemewahan si penjudi apabila dia menang;
- اليسر (*al-yusr*) iaitu kewajiban yang terkena ke atas seseorang, kerana apabila si penjudi itu menang pertaruhan, pihak yang lagi satu mesti membayar;
- التجزئة والاقسام (*al-tajzi'ah wal iqtisam*) iaitu pembahagian, kerana pembahagian biasanya dibuat untuk tujuan cabutan semasa berjudi.

Maysir sering ditakrifkan oleh para ulama' silam sebagai قمار (*qimar*).⁴ Manakala, dari segi bahasa, *qimar* pula memberi erti pertaruhan dan menang. Dr Ramadan Hafiz Abdul Rahman menaakalkan penerangan oleh pengarang kitab al-Qamus tentang *qimar* iaitu:⁵

"قامره مقامرة وقمارا فقمرة وتقمرة : راهنه فغلبه وهو التقامر"

Ertinya: "...Dia bertaruh lalu dia menang, dan ia adalah saling bertaruh".

² Al-Maidah: 90-91.

³ Al-Alusi, Ruh al Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-`Azim was Sab`l al Mathani, Dar Ihya' al Turath al `Arabi, Jilid 1, m/s 113; Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 39; Fath al Qadir, `Alam al Kitab, m/s 157.

⁴ Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 39; dan Muhammad Abdul Aziz al Hallawi, : "مفاتيح الغيب" : دراسة وتحقيق , Maktabah al Quran, m/s 68;

⁵ Ramadan Hafiz Abdul Rahman (2004), Mawqif al Shari`ah al Islamiyyah min al Maysir wa al Musabaqat al Riyadiyyah wa al Tilfiziyuniyyah, Dar al Salam, m/s17; Al Qamus, Jilid 2, m/s 121.

Beliau juga turut menaqalkan penerangan di dalam Kitab Lisan al `Arab mengenai *qimar* iaitu:⁶

"قامر الرجل مقامرة وقمارا : راهنه وهو القمار"

Ertinya: "...Dia bertaruh dan itulah *qimar*".

Dari segi istilah Shara' pula, *qimar* telah ditakrifkan dengan pelbagai takrifan oleh para ulama'.⁷ Di antaranya adalah:

a. "ما يوجب دفع مال أو أخذ مال"⁸

Ertinya: "Apa yang mewajibkan penyerahan harta atau pengambilan harta".

b. "ما لا يخلو أحد اللاعبين فيه من غنم أو غرم"⁹

Ertinya: "Apa yang tidak terkecuali salah seorang dari kedua-dua pemainnya daripada mendapat keuntungan ataupun tanggungan".

c. "تمليك المال على المخاطرة"¹⁰

Ertinya: "Memindahkan pemilikan harta dengan cara saling mengambil risiko".

Berdasarkan takrifan-takrifan di atas adalah jelas bahawa *qimar* melibatkan suatu pertaruhan di antara dua orang atau lebih, di mana pihak yang menang akan mendapat harta yang dipertaruhkan itu. Oleh kerana judi atau *maysir* adalah *qimar*, maka, pertaruhan seperti ini adalah dilarang oleh shara' kerana adanya unsur judi dan mengambil harta orang lain dengan jalan yang batil.

⁶ Ramadan Hafiz Abdul Rahman, rujukan yang sama seperti di atas; dan Lisan al `Arab, Jilid 15, m/s 115.

⁷ Ini adalah sebagaimana yang telah dinaqalkan oleh Dr Ramadan Hafiz Abdul Rahman, rujukan yang sama seperti di atas.

⁸ Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir, Jilid 2, m/s 231; dalam rujukan di atas.

⁹ Al Shawkani, Nayl al Awtar, Jilid 8, m/s 107; dalam rujukan di atas.

¹⁰ Al Jassas, Tafsir Ahkam al Quran, Jilid 2, m/s 566; dalam rujukan di atas.

3. PENGHARAMAN JUDI DI DALAM AL-QURAN DAN SUNNAH

Pengharaman judi di dalam al-Quran berlaku secara berperingkat dan bukanlah secara sekaligus, sama seperti pengharaman arak dan pengharaman riba.

Pada mulanya, ayat 219 dari Surah al-Baqarah menceritakan:

يسألونك عن الخمر والميسر قل فيهما إثم كبير ومنافع للناس وإثمهما أكبر من نفعهما...

Ertnya: "Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi.

Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya..."

Ayat ini diturunkan setelah segolongan orang-orang beriman bertanyakan tentang kedudukan arak kepada Rasulullah s.a.w. Sehubungan dengan ini, Al Razi¹¹ menceritakan bahawa, sebelum turunnya ayat 219 dari Surah al Baqarah ini, iaitu semasa sebelum hijrah, telah turun suatu ayat lain di Makkah iaitu, ayat 67 dari surah al-Nahl yang berbunyi:

ومن ثمرات النخيل والأعناب تتخذون منه سكرا ورزقا حسنا

Ertinya: "Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman yang memabukkan dan rezeki (makanan serta minuman) yang baik..."

Ketika itu, umat Islam masih meminum arak kerana ianya masih dibenarkan dan belum diharamkan lagi. Kemudian, Umar, Muaz dan sekumpulan dari para sahabat (r.a.) berkata kepada Rasulullah s.a.w.:¹²

"يا رسول الله أفتنا في الخمر، فإنها مذهبة للعقل، مسلبة للمال"

Ertinya: "Ya Rasulullah, berilah fatwa kepada kami tentang arak, sesungguhnya ia menghilangkan (kewarasan) aqal dan menghabiskan harta benda".

¹¹ Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 35.

¹² Fakhruddin al Razi, rujukan yang sama seperti di atas.

Maka turunlah ayat 219 dari Surah al Baqarah ini. Walaupun sebab nuzul yang dicatatkan oleh Al Razi ini berkaitan dengan arak, namun ayat 219 dalam surah al Baqarah ini juga menyebut tentang judi atau maysir. Ayat ini menyatakan dengan jelas bahawa terdapat dosa yang besar dalam arak dan judi (فيهما إثم كبير), walaupun terdapat juga beberapa manfaat pada kedua-duanya untuk manusia. Seterusnya ayat ini menegaskan bahwa dosa yang ada pada arak dan judi ini lebih besar dari manfaat kedua-duanya (وإثمهما أكبر من نفعهما).

Di dalam menafsirkan ayat ini, Al Alusi menjelaskan beberapa contoh dosa atau keburukan yang dibawa oleh judi, di antaranya: memakan harta secara batil; boleh menyebabkan penjudi terjebak ke dalam jenayah curi; mencederakan jiwa; mensia-siakan keluarga; melakukan perkara yang keji dan hina; serta rasa permusuhan yang timbul baik secara tersembunyi atau terang-terangan.¹³

Dalam konteks arak, setelah turunnya ayat 219 dari Surah al Baqarah ini, sebahagian dari ummat Islam masih meminum arak dan sebahagian yang lain pula berhenti dari meminum arak. Pada suatu hari, Abdul Rahman bin AUF (r.a.) telah menjemput orang ramai, lalu mereka telah minum arak dan menjadi mabuk. Sebahagian dari mereka mengerjakan solat lalu membaca Surah Al Kafirun dan salah dalam bacaannya, maka turunlah ayat 43 dari Surah al Nisa' yang melarang orang yang beriman dari mendirikan solat dalam keadaan mereka mabuk. Maka makin berkuranglah di kalangan umat Islam yang meminum arak.¹⁴

Namun, pada suatu ketika, suatu kumpulan dari golongan Ansar telah berkumpul-kumpul dan bersama mereka juga adalah Saad bin Abi Waqqas (r.a.). Mereka minum-minum sehingga mabuk dan mula membacakan sha`ir-sha`ir, sehinggalah Saad mendendangkan suatu sha`ir yang seolah-olah memperkecilkan golongan Ansar. Maka seorang Ansar telah

¹³ Al Alusi, seperti rujukan sebelum ini, pada m/s 115.

¹⁴ Fakhruddin al Razi, seperti rujukan sebelum ini.

memukul Saad, lalu Saad pun mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu Umar (r.a.) berdoa supaya Allah memberikan penjelasan yang sempurna tentang hukum arak, maka turunlah firman Allah dalam Surah al-Ma'idah: ayat 90 – 91,¹⁵ yang berbunyi:

إنما الخمر و الميسر و الأنصاب و الأزلام رجس من عمل الشيطان فاجتنبوه (90) إنما يريد الشيطان أن يوقع بينكم العداوة
والبغضاء في الخمر و الميسر و يصدكم عن ذكر الله و عن الصلاة فهل أنتم منتهون (91)

Ertinya: **[90]** Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. **[91]** Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

Ayat 90 dan 91 dari Surah al Maidah ini sangat lantang dan jelas dalam menjelaskan pengharaman kedua-dua arak dan judi. Malah ayat 90 menyebut larangan arak dan judi secara serentak dengan larangan syirik menyembah berhala (الأنصاب) dan mengundi nasib dengan anak panah (الأزلام) untuk membayangkan besarnya dosa arak dan judi sehingga dilarang bersama dengan dosa syirik itu sendiri.

Di samping itu, ayat 91 secara khusus menyebut keburukan-keburukan judi sehingga ianya diharamkan keatas ummat Islam, iaitu: menimbulkan permusuhan dan kebencian; dan memalingkan manusia dari mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang.

Semasa membincangkan hikmah dari larangan dan pengharaman judi, Al Razi¹⁶ menerangkan bahawa dosa atau keburukan maysir dan qimar adalah: ia boleh membawa

¹⁵ Rujukan yang sama.

kepada permusuhan, mengutuk-ngutuk dan pertelingkahan; serta merupakan suatu bentuk mengambil harta orang lain secara batil; di samping melalaikan manusia dari mengingat Allah dan mengerjakan solat. Tambah beliau lagi, pertaruhan di dalam qimar dan maysir juga menimbulkan perasaan ingin cuba menang, terutama setelah mengalami kekalahan sehingga semua harta akhirnya habis digunakan untuk berjudi sehinggakan sanggup menggadaikan isteri dan anak-anak pula. Tentunya si kalah judi ini akan jatuh miskin dan menyimpan dendam kesumat terhadap lawannya yang telah menang dan merampas harta bendanya, sehingga berlakulah permusuhan dan benci-membenci yang berpanjangan di dalam masyarakat. Dari segi ugama pula, si penjudi akan jauh hatinya dari mengingat Allah dan mengerjakan solat kerana disibukkan dengan harapan untuk menang, atau marah kerana kalah judi. Bahkan sekiranya dia menang sekalipun, nescaya kemenangannya itu akan terus menenggelamkannya di dalam kesibukan demi kesibukan, sehingga tidak ingat selain dari harta yang dimenangnya itu sahaja.

Di dalam membahaskan judi yang diharamkan, para ulama' mufassirin bersetuju bahawa *maysir* bermakna *qimar*, sebagaimana yang telah disebut di dalam perbincangan tentang takrif judi di atas. Namun, suatu persoalan yang timbul di sini adalah, adakah judi atau *maysir* itu hanya terhad kepada suatu bentuk *qimar* (pertaruhan) yang tertentu sahaja; atau ianya merujuk kepada semua jenis *qimar*. Di dalam hal ini, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama'.¹⁷

Qimar tertentu yang di maksudkan di sini adalah pertaruhan yang diamalkan oleh orang Arab jahiliyyah ketika itu yang melibatkan 10 bahagian yang di tentukan daripada unta yang dipertaruhkan. Bahagian-bahagian ini ditulis pada 10 anak-anak panah atau pun pena.

¹⁶ Fakhrudin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Jilid 6, m/s 49 dan Jilid 12, m/s 82.

¹⁷ Fakhrudin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 40.

Selepas itu dilakukan cabutan untuk mencari siapa yang menang dan mendapat bahagian-bahagian yang telah ditentukan tersebut. Sesiapa yang tidak mendapat bahagian mesti membayar seluruh harga unta pertaruhan tersebut. Sesiapa yang menang dan mendapat bahagian pula biasanya akan menyerahkan bahagian tersebut kepada golongan faqir miskin.¹⁸

Sebahagian ulama' berpandangan bahwa *maysir* tidak lah terhad kepada *qimar* yang tertentu seperti di atas sahaja, malah boleh mencakupi semua bentuk *qimar* yang pelbagai. Contohnya, Al Alusi¹⁹ berpandangan bahawa kesemua jenis qimar termasuk dalam pengertian maysir yang diharamkan, termasuklah nard (backgammon), shatranj (catur), sehinggakan permainan anak-anak dengan kekacang, dadu, cabutan undi, dan semua bentuk mukhatarah dan pertaruhan.

Pandangan ini dikuatkan oleh beberapa hadith yang di riwayatkan dari Rasulullah s.a.w. Ini adalah kerana selain dari pengharaman judi di dalam al-Quran, terdapat juga beberapa hadith nabi yang menerangkan tentang perharaman judi dan dosa yang terbit dari pengamalannya. Contohnya:

- a. إن الله حرم الخمر والميسر والكوبة وكل مسكر حرام

Ertinya: "Sesungguhnya Allah mengharamkan arak, judi, kubah (sejenis permainan yang menggunakan papan, buah dan dadu, juga dikenali sebagai *tabal* atau *nard*) dan setiap yang memabukkan adalah haram".²⁰

¹⁸ Rujuk Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 39-40; dan Al-Alusi, Ruh al Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-`Azim was Sab`l al Mathani, Dar Ihya' al Turath al `Arabi, Jilid 1, m/s 113-114.

¹⁹ Al-Alusi, Ruh al Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-`Azim was Sab`l al Mathani, Dar Ihya' al Turath al `Arabi, Jilid 1, m/s 114.

²⁰ Hadith riwayat Ahmad dari Ibn Abbas; Nayl al Awtar oleh Al Shawkani, Jilid 10; seperti yang dinaqalkan oleh Dr Ramadan Hafiz Abdul Rahman.

b. إياكم وهاتين الكعبتين فإنهما من ميسر العجم

Ertinya: "Awaslah terhadap dua dadu ini, kerana sesungguhnya, kedua-duanya adalah daripada judi orang bukan Arab".²¹

c. من لعب النرد فقد عصى الله ورسوله

Ertinya: "Sesiapa yang bermain *nard* (backgammon), maka sesungguhnya dia telah melakukan ma'siat terhadap Allah dan RasulNya."²²

Al Alusi dan Al Razi juga ada menaqqalkan pandangan Ibn Sirin, bahawa semua yang memberi risiko/bahaya (خطر) adalah sebahagian dari *maysir*.²³ Al Razi²⁴ turut menaqqalkan suatu riwayat bahawa Saidina Ali (r.a.) ada menyebut:

"النرد والشطرنج من الميسر"

Ertinya: "*Nard* (backgammon) dan catur adalah sebahagian dari judi."

Al Razi²⁵ pula menaqqalkan pandangan Imam Al Shafi'i yang agak berbeza, iaitu, sekiranya permainan catur tersebut tidak melibatkan pertaruhan, lidah juga tidak berkata celupar dan tidak melalaikan solat, maka ianya tidak haram dan tidak termasuk dalam pengertian *maysir*; kerana *maysir* semestinya melibatkan penyerahan atau pengambilan harta yang tidak wujud dalam keadaan ini.

²¹ Hadith ini dinaqqalkan oleh Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 40.

²² Malik, Al Muwatta', Dar al Afaq al Jadidah, m/s 830.

²³ Rujuk Fakhruddin al Razi, Al Tafsir al Kabir / Mafatih al Ghaib, Dar al Kutub al `Ilmiyyah, Beirut, Jilid 5-6, m/s 40; dan Al-Alusi, Ruh al Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-`Azim was Sab`i al Mathani, Dar Ihya' al Turath al `Arabi, Jilid 1, m/s 114. Al Razi juga menaqqalkan pandangan yang sama dari Mujahid dan `Atta'

²⁴ Fakhruddin al Razi, seperti rujukan di atas. Hadith yang hampir sama dari Saidina Ali turut dinaqqalkan dalam Ibn Qudamah, al Mughni, jilid 12, m/s36; dan Al Shawkani, Nayl al Awtar, jilid 8, m/s 108.

²⁵ Fakhruddin al Razi, seperti rujukan di atas.

Berdasarkan pandangan Imam Al Shafi`i di atas, nampaknya beliau melihat bahawa tidak semua permainan catur merupakan judi yang dilarang. Catur hanya boleh dikira sebagai judi sekiranya wujud unsur pertaruhan (penyerahan dan pengambilan harta), cakap-cakap yang boleh membawa kepada permusuhan dan melalaikan dari solat.

Berkait dengan isu ini, para ulama' berselisih pendapat samada judi semestinya ada unsur pertaruhan dengan harta ataupun tidak semestinya. Dalam hal ini, Al Qurtubi²⁶ di dalam tafsirnya ada menyebut bahawa Imam Malik telah membahagikan maysir kepada dua jenis, iaitu:

- a. ميسر اللهو (judi main-main) yang merangkumi *nard* (backgammon), catur dan segala bentuk permainan yang melalaikan;
- b. ميسر القمار (judi pertaruhan) yang merangkumi apa-apa yang manusia bertaruh wang atau harta (*mukhatarah*) padanya.

Secara zahirnya pandangan Imam Malik di atas menganggap semua bentuk permainan yang melalaikan sebagai suatu bentuk judi (*maysir*), walaupun tidak ada unsur pertaruhan. Namun, jika ada pertaruhan ia adalah judi dalam bentuk *maysir al qimar*. Jika tiada pertaruhan, maka ianya bukanlah qimar tapi hanya maysir jenis pertama (*maysir al lahw*). Berdasarkan pandangan Imam Malik ini, maysir adalah lebih umum dari qimar. Semua qimar adalah maysir, tetapi bukan semua maysir adalah qimar (iaitu maysir yang tiada unsur pertaruhan).

4. BENTUK-BENTUK JUDI DALAM PERBAHASAN FUQAHA' DAN HUKUMNYA

Setelah diteliti pandangan ulama' di dalam mentafsirkan pengharaman judi sebagaimana nas al-Quran dalam Surah al Maidah: ayat 90-91 dan al-Baqarah: ayat 219, serta Sunnah al

²⁶ Al Qurtubi, Tafsir Al Jami` li Ahkam Al Quran, Dar al Kutub al `Ilmiyyah,

Rasul s.a.w., dapatlah disimpulkan bahawa judi yang dibahaskan oleh ulama' silam boleh terjadi dalam beberapa bentuk:

a. Maysir al qimar – judi dengan pertaruhan harta yang disepakati adalah maysir yang diharamkan:

Sebahagian besar dari maysir adalah di dalam bentuk qimar atau melibatkan pertaruhan wang atau hartabenda. Maysir di dalam bentuk ini disepakati oleh semua ulama' tentang hukumnya iaitu haram. Ini dikenali sebagai maysir al qimar menurut Imam Malik. Ciri utama maysir al qimar adalah:

- Pemainnya samada menang atau menanggung rugi
- Permainan ini melibatkan pertaruhan harta (mukhatarah)
- Memindah milik harta melalui pertaruhan (mukhatarah)

b. Maysir al lahw yang disepakati haramnya:

Terdapat sebahagian dari maysir yang tidak semestinya melibatkan pertaruhan harta. Maysir dalam bentuk ini (yang di sebut oleh Imam Malik sebagai maysir al lahw) ada yang disepakati hukum haramnya, kerana nas dari Sunnah yang jelas mengenai pengharamannya, tidak kiralah samada ianya melibatkan pertaruhan harta atau tidak, seperti:

- Nard (النرد)
- Tawilah (الطاولة)
- Tab (الطاب)

Ciri utama maysir dalam bentuk ini adalah: Permainannya semata-mata bergantung kepada nasib dan tidak berdasarkan pemikiran, kiraan atau seumpamanya

c. Maysir al lahw yang tidak disepakati haramnya:

Para ulama' berselisih pandangan mengenai permainan yang tidak melibatkan pertarungan wang, tetapi memerlukan pemainnya berfikir, mengira dan menilai; samada ianya haram atau tidak. Secara umumnya Ulama' terbahagi kepada beberapa pandangan iaitu:

- Hanafi: permainan itu asalnya haram, kecuali empat jenis: lumba kuda; lumba unta; memanah; dan permainan di antara suami isteri.
- Maliki: Sama dengan pandangan Hanafi. Mengenai catur, Imam Malik dilaporkan membenci permainan catur dan melarangnya (haram)
- Shafi'i: semua permainan yang bergantung kepada pengiraan, pemikiran, dan perancangan strategik tidak dilarang, tetapi makruh, dengan syarat tiada pertarungan, percakapan yang buruk, atau melalaikan dari solat.
- Hanbali: seluruh permainan yang tiada pertarungan harta, selagi mana tidak mengandungi mudarat atau melalaikan dari perkara yang fardu adalah pada asalnya harus.

5. ANTARA JUDI, PERMAINAN, PERTANDINGAN DAN PERADUAN

Manusia mencipta pelbagai permainan, pertandingan dan peraduan untuk pelbagai tujuan. Ada yang bertujuan untuk bersukan, melatih ketahanan fizikal, menguji ketajaman minda, berhibur dan sebagainya. Seseengah permainan, pertandingan dan peraduan ini boleh membawa unsur judi jika tidak berhati-hati. Di sini, beberapa jenis permainan, pertandingan dan peraduan akan dibincang secara ringkas samada ia termasuk judi yang diharamkan atau tidak.

a. Permainan Catur:

Permainan catur adalah sejenis permainan klasik yang masih lagi popular sehingga ke hari ini. Adakah permainan catur suatu bentuk perjudian?

Sekiranya permainan catur ini disertakan dengan pertaruhan wang atau hartabenda, semua fuqaha' bersetuju bahawa ia adalah judi dan hukumnya adalah haram.

Sebaliknya, ulama' berselisih pendapat mengenai permainan catur yang tiada sebarang pertaruhan wang. Pendapat di dalam empat madhhab adalah seperti berikut:

- Hanafi: tidak dibenarkan, yakni haram
- Maliki: tidak dibenarkan, yakni haram.
- Shafi'i: ianya makruh, bukannya haram; dengan syarat permainan tersebut tidak melengahkan dari solat pada waktunya, tiada pertaruhan wang, dan tidak bercakap perkara yang buruk dan keji.
- Hanbali: catur sama seperti *nard* dari segi hukum yakni haram, walaupun nas yang jelas adalah tentang *nard* sahaja. Hukum catur dikiaskan kepada hukum *nard*.

Jumhur ulama' yang mengharamkan catur menyandarkan hujjah mereka kepada umum ayat 90-91 dari Surah al Maidah mengenai pengharaman arak dan judi dengan alasan catur boleh melalaikan manusia dari mengingati Allah dan boleh menyebabkan permusuhan sesama pemainnya. Terdapat juga beberapa hadith dan athar yang dikemukakan untuk menyokong hujjah jumhur,²⁷ namun kebanyakan dari hadith ini adalah lemah.²⁸ Jumhur juga menggunakan kaedah qiyas terhadap pengharaman *nard*, dari segi melalaikan dan boleh membawa kepada pertaruhan dan permusuhan. Namun begitu An Nawawi mempersoalkan ketepatan kaedah qiyas dalam hal ini kerana beliau berhujjah bahawa catur berbeza dari

²⁷ Contohnya hadith-hadith yang disebut oleh al Shawkani di dalam Nayl al Awtar, jilid 8, m/s 96; Ibn Hajar dalam Kitab Al Zawajir, jilid 2, m/s 166; dan Al Munziri dalam kitab Al targhib wa al tarhib, jilid 2, m/s 168.

²⁸ Lihat pandangan Al Munziri dan Al Shawkani tentang hadith-hadith tersebut yang kebanyakannya adalah hadith marfu', lebih-lebih lagi kerana permainan catur hanya mula dikenali semasa zaman sahabat.

nard kerana catur banyak bersandarkan pemikiran, pengiraan dan penilaian; sedangkan *nard* bersandarkan kepada nasib semata-mata.²⁹

b. Pertandingan Melagakan Haiwan:

Pertandingan sebegini adalah haram samada ada pertaruhan wang ataupun tidak. Ini termasuklah pertandingan melagakan ayam, anjing, harimau dan sebagainya. Pertandingan sebegini adalah sia-sia, tidak berfaedah dan menyakitkan haiwan yang terlibat.

c. Permainan Sukan Merbahaya (Extreme Sports)

Pertandingan sukan merbahaya boleh dibenarkan dengan syarat:

- Pemainnya adalah orang yang ahli dengan sukan tersebut
- kemungkinan untuk mereka selamat dan tidak cedera atau mati adalah tinggi (ghalabah al dhann)
- tidak ada pertaruhan wang / harta benda

Sebaliknya, jika dikhuatiri permainan itu akan membawa bahaya dan mudarat kepada pemainnya, atau pemainnya juga tidak ahli dalam sukan tersebut, maka ianya dilarang dalam semua keadaan, samada ada pertaruhan ataupun tidak.

d. Permainan Sukan Biasa

Untuk permainan sukan biasa, sekiranya ada pertaruhan, maka ianya adalah judi yang diharamkan. Sebaliknya, jika ia dibuat tanpa pertaruhan wang, maka hukumnya yang asal

²⁹ Lihat An Nawawi, Al Minhaj, jilid 15, m/s 15.

adalah harus. Ini adalah kerana sukan biasanya memberi manfaat yang banyak seperti: menyihatkan tubuh badan, dapat mengisi waktu lapang secara sihat, mengajarkan semangat kesukanan dan setiakawan, melatih kesabaran dan ketahanan fizikal dan mental.

Namun, perlu juga diperhatikan beberapa perkara sampingan seperti isu pemberian hadiah. Sekiranya ada hadiah yang disediakan, maka ia perlu memenuhi beberapa syarat, iaitu:

- Hadiah disediakan oleh pihak ketiga, bukannya sesama pemain itu sendiri.
- Sekiranya hadiah dibayar oleh pemain sesama sendiri, dimana pihak yang kalah akan membayar kepada pihak yang menang, ini adalah suatu bentuk judi yang dilarang. (Contoh, mengenakan yuran untuk bertanding dan duit dari yuran itu digunakan untuk memberi hadiah kepada pemenang).

- Namun, jika seseorang berkata: “Mari kita berlumba dan saya akan beri hadiah jika kamu menang, tapi jika saya menang, kamu tidak perlu memberi sebarang hadiah kepada saya”. Ini tidak termasuk dalam judi yang di larang

Selain dari itu, sebarang pertandingan sukan juga mesti terjaga dari perkara lain yang dilarang, seperti: mendedahkan aurat, meninggalkan solat atau kewajipan agama yang lain, melalaikan dari mengingati Allah, percampuran bebas di antara lelaki dan wanita, serta pergaduhan dan permusuhan sesama pemain.

e. Peraduan-peraduan yang berasaskan hadiah

Dalam konteks ini para fuqaha' ada membincangkan syarat-syarat untuk peraduan atau pertandingan yang dijanjikan hadiah.

Pertamanya, adalah syarat-syarat umum pertandingan iaitu:

- Tahu peraturan pertandingan secara jelas, contoh: jika pertandingan lari: di mana garis permulaan dan penamat;

- Peraturan yang sama kepada semua pemain supaya adil, contoh: waktu permulaan yang sama, samarata dari segi kemampuan atau kekuatan / kelemahan peserta.
- Jenis permainan dan pemain yang sama kategori (contoh: kanak-kanak sesama kanak-kanak) untuk sesuatu peraduan supaya adil terhadap peserta.

Syarat-syarat berkaitan hadiah adalah sama seperti yang dibincangkan di atas mengenai sukan yang diberi hadiah iaitu:

- Hadiah dari pihak ketiga - dibenarkan
- Hadiah bukan dari sesama peserta, jika sesama peserta maka ini sama seperti pertaruhan dimana pihak yang kalah membayar kepada pihak yang menang
- Jika hadiah dari seorang peserta sahaja untuk sesiapa yang menang, dibenarkan dengan syarat hadiah tidak kembali semula kepada peserta yang memberi hadiah tersebut.

Untuk makluman, JAKIM juga ada mengeluarkan buku garis panduan tentang peraduan berasaskan hadiah untuk rujukan umum.

6. PENUTUP

Akhirkata, dapatlah disimpulkan bahawa judi adalah suatu perkara yang jelas telah diharamkan dalam Islam. Bentuk-bentuk judi ini pelbagai dan kita perlu berhati-hati supaya tidak terjebak dengan perangkap judi kerana kadang-kadang terkeliru dengan nama yang digunakan, seperti, peraduan, pertandingan atau sukan.

Secara umumnya permainan yang mengandungi unsur pertaruhan adalah judi dan dilarang. Seseengah permainan, walaupun tiada unsur pertaruhan, masih juga dilarang kerana melalaikan dari mengingati Allah dan menunaikan kewajipan agama yang lain, seperti solat; ataupun kerana menimbulkan pergaduhan dan permusuhan.

Sekiranya ummat Islam benar-benar memahami, menghayati dan mentaati perintah Allah dalam menjauhi segala bentuk perjudian, nescaya mereka akan terselamat dari dosa dan keburukan judi yang disebut secara khusus dalam ayat 219 surah al baqarah dan ayat 90-91 surah al maidah. Semoga Allah melindungi ummat Islam dari penyakit judi dan bahaya-bahayanya.

Wallahu A'lam bissawab...